



# POLISI OPERASI

## UNIT KEJURUTERAAN HOSPITAL KOTA MARUDU

Disediakan Oleh :

Nama : Mohd Nor Aizuddin Bin Che Adanan

Jawatan : Jurutera Awam J41

Tarikh : 26/2/2019

Disahkan,

DR. LYDIARITA M. MARAJIN  
PENGARAH HOSPITAL  
HOSPITAL KOTA MARUDU  
NO. MMC: 51398

26/2/19

## **PENGENALAN**

Unit Kejuruteraan (Operasi Hospital) Hospital Kota Marudu terletak di blok OPD dan A&E. Unit Kejuruteraan berkongsi bilik dengan Unit Kesihatan Awam dan ICT.

## **OBJEKTIF**

### **Objektif Umum:**

Bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan penswastaaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) bagi perkhidmatan pendobian (LLS), pencucian (CLS), pengurusan sisa-sisa klinikal (HWMS), kejuruteraan fasiliti (FEMS), kejuruteraan biomedikal (BEMS), dan pengurusan fasiliti (FMS) agar ianya dilaksanakan mengikut kehendak dalam Perjanjian Konsesi.

### **Objektif Khusus:**

- Memantau pelaksanaan penswastaaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) bagi perkhidmatan pendobian, pencucian, pengurusan sisa-sisa klinikal, kejuruteraan fasiliti, kejuruteraan biomedikal, dan penguirusan fasiliti agar ianya dilaksanakan mengikut kehendak dalam Perjanjian Konsesi.
- Untuk melindungi kepentingan Kementerian Kesihatan Malaysia dan pengguna-pengguna hospital dengan memastikan keperluan di dalam perjanjian konsesi dipenuhi.
- Memastikan Perkhidmatan Sokongan Hospital yang diberikan adalah cekap dan selamat.

## **MISI**

Sentiasa berusaha untuk memastikan penswastaaan khidmat sokongan hospital yang diberi oleh syarikat konsesi memberi manfaat yang sepenuhnya kepada institusi kesihatan khususnya dan dapat membantu menyampaikan perkhidmatan kesihatan yang bermutu tinggi kepada pelanggan amnya.

## **VISI**

Unit Kejuruteraan (Operasi Hospital) akan menjadi sebuah unit yang menyediakan perkhidmatan kejuruteraan pelbagai bidang yang menjurus kepada menjadikan institusi perubatan sebuah institusi yang cekap dan efisien dalam persekitaran yang kondusif dan selamat serta moden.

## CARTA ORGANISASI

### UNIT KEJURUTERAAN & OPERASI HOSPITAL KOTA MARUDU



DR LYDIARITA M. MARAJIN  
PENGARAH HOSPITAL  
KOTA MARUDU



MOHD NOR AIZUDDIN BIN CHE  
ADANAN  
JURUTERA AWAM J41

## **POLISI OPERASI**

### **1. Memantau dan menjalankan kajian kualiti dan kesempurnaan serta kekompetenan perkhidmatan sokongan hospital.**

- a. Memantau sistem kejuruteraan yang melibatkan orang/syarikat kompeten bersama orang/syarikat kompeten dan mengisi borang EPR
- b. Mendapatkan dokumen pengesahan orang/syarikat kompeten serta menyemak status dokumen tersebut sekiranya masih terpakai ataupun tidak daripada Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) ataupun syarikat luar sekiranya berkaitan.
- c. Memantau sistem kejuruteraan yang melibatkan orang/syarikat kompeten bersama orang/syarikat kompeten dan mengisi borang EPR

### **2. Menjalankan pemantauan dan pemeriksaan fizikal ke atas fasiliti dan kelengkapan hospital bagi perkhidmatan sokongan hospital yang diterima.**

- a. Menjalankan pemantauan dan pemeriksaan yang dikoordinasikan unit penolong pegawai perubatan. Aktiviti ini dijalankan bersama pengarah hospital, unit penolong pegawai perubatan, unit kesihatan awam pekerjaan, unit keselamatan, unit pembangunan, perkhidmatan sokongan hospital dan juga wakil unit yang dilawat. Menjalankan pemantauan dan pemeriksaan yang telah disenaraikan oleh unit kejuruteraan untuk sepanjang tahun.

### **3. Memastikan operasi rangkaian teknologi maklumat (ASIS) dan program jaminan mutu (QAP) bagi perkhidmatan kejuruteraan hospital dikemaskini serta berkesan.**

- a. Menjalankan pemeriksaan ke atas sistem bagi memastikan operasi rangkaian teknologi maklumat sentiasa dikemaskini dan Program Jaminan Mutu (QAP) boleh digunakan bagi tujuan mendapatkan data.

- 4. Menyemak prestasi, laporan teknikal, laporan kejadian, aduan, bayaran, penalti dan menyelaraskan maklumat bagi aset tambahan.**
  - a. Menyemak prestasi perkhidmatan melalui tinjauan CFS.
  - b. Menyemak laporan teknikal (Condition Appraisal/Technical Advice/Incident Report/Complaint/BER).
  - c. Menyemak bayaran-bayaran kepada dan daripada Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) dan juga pelaksanaan penalty.
  - d. Menyemak maklumat-maklumat bagi pembayaran aset tambahan di hospital kepada pihak Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH).
  
- 5. Memberi khidmat nasihat teknikal dan profesional kepada pengarah hospital dan institusi kesihatan mengenai perkhidmatan kejuruteraan hospital.**
  - a. Penyediaan skop kerja dan anggaran kos.
  - b. Menyemak skop kerja yang diterima dan mengeluarkan ulasan teknikal yang berkaitan.
  
- 6. Merancang mesyuarat yang dikoordinasikan dan menghadiri mesyuarat yang melibatkan perkhidmatan kejuruteraan.**
  - a. Merancang dan memastikan Mesyuarat Koordinasi bersama PSH diadakan 1 kali sebulan bagi tempoh sepanjang tahun bergantung kepada keperluan.

## **SUMBER MANUSIA & LATIHAN**

Unit Kejuruteraan Kota Marudu hanya mempunyai seorang anggota sahaja iaitu Jurutera Awam J41. Pelbagai jenis latihan dihadiri terutama dalam bidang Kejuruteraan seperti Structural Engineering, Geotechnical Engineering, Civil Engineering dan M&E Engineering. Latihan dihadiri mengikut kesesuaian waktu dan modul kursus.

## **SKOP PERKHIDMATAN**

1. **Memantau Syarikat Koneksi Perkhidmatan Sokongan Hospital (Sedafiat) & Melaksanakan pemotongan yuran bagi ketidakpatuhan perkhidmatan PSH (Sedafiat) yang terdiri daripada:**
  - i. **FMS**
  - ii **FEMS**
  - iii **BEMS**
  - iv **CLS**
  - v **LLS**
  - vi **HWMS**
3. **Memberi khidmat nasihat teknikal berkenaan bidang kejuruteraan kepada Pengarah Hospital**
4. **Memantau projek-projek pembinaan & penyelenggaraan yang dijalankan di dalam kawasan hospital**
5. **Memantau *Engineering Plant Room* di hospital supaya dapat beroperasi dengan baik dan optimum**

## **AKTIVITI KUALITI**

**Aktiviti Kualiti yang dijalankan adalah HPIA indicator 28: *Percentage of Facility Engineering Plant Room Inspection (EPR) with report submission done by Engineering Unit Personnel in the corresponding year.***

## **FASILITI DAN PERALATAN**

**Fasiliti yang dipantau adalah keseluruhan kawasan hospital, bangunan-bangunan dan aset-aset di hospital yang termasuk didalam Perjanjian Koneksi Perkhidmatan Sokongan Hospital (Sedafiat)**